## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## ISNIN 10 APRIL 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1. | PUFFER FISH POISONING: HUSBAND OF VICTIM ALSO CONFIRMED DEAD, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -9 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 2. | FAMA BUKA 103 PASAR TANI BAGI JUALAN KHAS SYAWAL MADANI MULAI 15 APRIL, ASTRO AWANI -ONLINE | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 3.<br>4. | POTONG KUOTA DIESEL, HARGA IKAN NAIK MENDADAK, DALAM NEGERI, UM -1&3<br>KAJI BALIK KUOTA DIESEL SUBSIDI NELAYAN, DALAM NEGERI, UM -6&7 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 5. | 12 TAN MAKANAN BERJAYA DISELAMAT, BERI MANFAAT KEPADA 10,124 ORANG, DALAM NEGERI, UM -11 | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 6.<br>7.<br>8. | STRATEGI KHUSUS PASTIKAN BEKALAN MAKANAN NEGARA MENCUKUPI, SUARA SARAWAK -ONLINE<br>POLITEKNIK JELI SEDIA JADI HAB KETERJAMINAN MAKANAN, PENDIDIKAN, BH -27<br>MAKE IT A DEADLY SERIOUS OFFENCE, NATION, THE STAR -3 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Puffer fish poisoning: Husband of victim also confirmed dead | | |
| MediaTitle | Borneo Post (Kuching) | | |
| Date | 10 Apr 2023 | Color | Full Color |
| Section | Home | Circulation | 60,767 |
| Page No | 9 | Readership | 182,301 |
| Language | English | ArticleSize | 157 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,141 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 6,423 |



# Puffer fish poisoning: Husband of victim also confirmed dead

**JOHOR BAHRU:** An 84-year-old man who suffered poisoning after eating puffer fish on March 25, was confirmed dead at Enche' Besar Hajjah Khalsom Hospital, Kluang on Saturday morning.

State health and unity committee chairman Ling Tian Soon said the victim was the spouse of an 83-year-old woman who died after they ate the fish at noon on the same day.

He said the man was earlier transferred to the medical ward on April 5 in a conscious state, with the patient's vital signs stable although he was breathing with the aid of a respirator and fed through 'Ryle's Tube'.

"However, at about 5.20am today (April 8), he was unresponsive while the nurse was taking care of another patient.

"Emergency assistance was provided immediately before he was pronounced dead at 6.20am in the morning," he said in a statement Saturday night.

Ling said the remains of the deceased have been handed over to the Forensic Unit before being handed to his next-of-kin for funeral arrangements.

He said the Johor State Health Department (JKNJ) had already taken action when a report on the first case was received and conducted an investigation, identifying the suppliers, wholesalers and sellers involved in the puffer fish transaction.

"JKNJ has and will hold several discussions with the Fisheries Department and some local universities that have expertise in the field of fisheries and toxins or poisons to get a comprehensive solution regarding this issue.

"Thus, the state government and JKNJ request that Johor citizens always be careful in choosing food, especially if it has known risks," he said, adding that the relevant district health office had also opened an investigation paper under the Food Act 1983.

It is understood that it was the first time that the couple, who lived at Jalan Sin Tiam Chamek in Kluang, had eaten puffer fish-based cuisine allegedly through a pre-order purchase from a seller through Facebook.

On March 28, Ling reportedly said that an elderly woman died on March 25, while her husband was warded in the Intensive Care Unit (ICU), after both were poisoned after the puffer fish meal.

Following that, on March 29, Fisheries Dept director-general Datuk Adnan Hussain advised the public to avoid eating puffer fish of unknown type because almost all types of puffer fish contain toxins that can cause poisoning if not prepared or cooked correctly. — Bernama

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/4/2023 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# FAMA buka 103 pasar tani bagi jualan khas Syawal Madani mulai 15 April



*Antara barangan yang akan dijual di pasar tani itu ialah daging, ayam dan sayur-sayuran. - Gambar hiasan/Astro AWANI*

**TANGKAK:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan membuka sejumlah 103 pasar tani di seluruh negara bagi melaksanakan Jualan Khas Syawal Madani mulai 15 April ini.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Abdul Rashid Bahri, yang menanggung kerja Ketua Pengarah FAMA, berkata pasar tani itu yang memfokus kepada jualan barangan keperluan bagi menyambut Aidilfitri, akan beroperasi selama enam hari hingga 20 April dengan harga barangan yang berpatutan.

Beliau berkata pasar tani itu, yang menyasarkan jualan sebanyak RM12.5 juta, akan dirasmikan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu di Pasar Tani Kelana Jaya pada 15 April.

"Antara barangan yang akan dijual di pasar tani itu ialah daging, ayam dan sayur-sayuran manakala menjelang hari raya, kita akan menjual daun kelapa untuk dibuat ketupat," katanya kepada Bernama selepas program Jelajah Semarak Ramadan Kerjasama Strategik FAMA-Bank Rakyat 2023 Peringkat Negeri Johor di Pasar Tani Kekal Bukit Gambir di sini pada Ahad yang turut dihadiri Pengarah FAMA Negeri Shahrizan Sudiman.

Abdul Rashid juga berkata pihaknya yakin barangan keperluan untuk menyambut ketibaan Syawal yang dijual di pasar tani itu mencukupi dan pemantauan secara 'turun padang' akan dilakukan.

Menyentuh program itu, beliau berkata ia adalah untuk meraikan peniaga pasar tani dan warga kerja FAMA sempena bulan Ramadan serta Syawal.

"Pemberian kit makanan oleh FAMA dan Bank Rakyat dalam program ini melibatkan 4,000 keluarga di seluruh negara dengan 200 penerima di Johor," katanya.

-- BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/4/2023 | UTUSAN MALAYSIA | MUKA DEPAN | 1 |

# Potong kuota diesel, harga ikan naik mendadak

Oleh **MOHAMAD ATHIR ISMAIL**
athir.ismail@mediamulia.com.my

**KUALA SELANGOR:** Harga ikan dan makanan laut lain dikhuatiri meningkat lebih tinggi ekoran keputusan kerajaan melaksanakan pemotongan diesel bersubsidi dari 90 juta liter kepada 70 juta liter pada setiap bulan sejak Januari lalu.

Malah di Selangor, harga sesetengah ikan naik mendadak melebihi 100 peratus pada tahun ini susulan pemotongan diesel itu yang bertujuan menyekat ketirisan bahan api itu.

Pemotongan diesel bersubsidi tersebut menjejaskan nelayan-nelayan bot laut dalam seperti kelas B dan C di seluruh negara sekali gus memberi tekanan kepada peniaga termasuk di jeti.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Pengkalan Nelayan Sementa, Klang dan Pasar Nelayan Sungai Yu di sini mendapati harga ikan seperti kembong, pelaling, senangin dan sotong kecil kini dijual antara RM8 hingga RM35 setiap kilogram (kg).

Paling ketara harga ikan pelaling atau 'ikan rakyat' naik melebihi 100 peratus iaitu daripada RM5 sekilogram kepada RM19 sekilogram.

**Bersambung di muka 3**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/4/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 3 |

# Potong kuota diesel, harga ikan naik mendadak

Dari muka 1

Malah, dalam tinjauan tersebut dua pemilik gerai tidak lagi menjual ikan tersebut berikutan harganya terlalu mahal.

Seorang pemilik gerai di Pengkalan Nelayan Sementa, Amir Shah berkata, akhir-akhir ini margin keuntungannya semakin kecil selepas berdepan tekanan kenaikan harga daripada pembekal yang terdiri daripada nelayan kecil dan bot besar.

Menurutnya, dua jenis hasil laut seperti pelaling dan sotong tidak lagi dijual di gerainya sejak beberapa minggu lalu apabila harga makanan itu terlalu mahal.

Katanya, jika mahu jual juga perlu melebihi RM20 sekilogram bagi ikan pelaling dan sotong pula mencecah RM30 sekilogram.

"Secara umumnya ikan tidak berkurang, tetapi jualannya yang berkurang. Sebelum ini 50kg ikan dalam dua hingga tiga hari, sekarang dalam tempoh sama cuma dapat jual sekitar 30kg. Memang nampak kuasa beli pengguna berkurangan.

"Disebabkan itu juga saya tak boleh jual pada margin harga sebelum ini iaitu, mesti dikurangkan (menjadi RM2 hingga RM8), supaya pelanggan tak lari kerana Pengkalan Nelayan Sementa adalah tumpuan pelanggan dari Kuala Lumpur, Bangi, Shah Alam, Banting dan sekitar kawasan ini," katanya ketika ditemui.

Kata Amir, ikan bawal padi kini menjadi pengganti kepada pelaling kerana boleh dijual pada harga RM8 sekilogram, namun saiz dan kuantiti isinya lebih sedikit berbanding pelaling.

Pada 23 Disember lalu, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) melaksanakan Pelarasan Kuota Subsidi Diesel Kepada Vesel Nelayan yang diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pelaksanaan Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan Bilangan 2 Tahun 2022.

Dalam mesyuarat itu, diputuskan kuota baharu diesel bagi bot-bot kategori B dan C dikurangkan kepada 12,000 dan 17,000 liter sebulan berbanding 16,000 dan 20,000 liter sebulan sebelum ini.

Kadar kuota asal subsidi diesel bagi bot pukat jerut Zon C dari 13,000 liter dikurangkan kepada 12,000 liter sebulan. Seterusnya, kuota asal pemberian subsidi diesel bagi bot pukat jerut Zon B dari 8,000 liter dikurangkan kepada 7,000 liter sebulan.

Sementara itu, Muhammad Hanafi Marzuki, 32, peniaga di Pasar Nelayan Sungai Yu berkata, jualan di gerainya naik sekurang-kurangnya 12 peratus sejak tahun ini terutama melibatkan ikan-ikan lazim dimakan seperti kembong, pelaling, bawal hitam dan bawal putih.

"Saya macam tak percaya, ikan pelaling paling laku di gerai saya memandangkan pasar ini pun terletak dalam kawasan kampung. Sejak tahun ini saya tidak lagi jual pelaling sebab tak munasabah.

"Daripada berhabis RM20 ke RM30 untuk ikan pelaling, lebih baik beli ikan cencaru yang harganya masih kekal RM12 sekilogram, kembong dan senangin yang isinya lebih banyak dan enak," jelasnya.

## TINJAUAN HARGA IKAN
DI PANGKALAN NELAYAN SEMENTA DAN PASAR NELAYAN SUNGAI YU

| Ikan | Harga dahulu | Harga semasa | Peratusan kenaikan |
|---|---|---|---|
| Kembong | RM16 | RM24 | 50 |
| Pelaling | RM5 | RM19 | 280 |
| Tuna | RM13 | RM15 | 15.3 |
| Senangin | RM25 | RM28 | 12 |
| Bawal emas | RM26 | RM30 | 15.3 |
| Bawal hitam | RM25 | RM34 | 36 |
| Bawal putih | RM34 | RM43 | 29.4 |
| Bawap padi | RM8 | RM8 | - |
| Cencaru | RM12 | RM12 | - |
| Merah | - | RM38 (Sementa) | - |
| | RM35 | RM45 (Sungai Yu) | 28.6 |
| Jenahak | RM38 | RM38 | - |
| Sotong kecil | RM24 | RM35 | 45.8 |

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 10/4/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 6 |

# Kaji balik kuota diesel subsidi nelayan

Oleh MOHD. HAFIZ ABD MUTALIB, ZAID MOHD. NOOR, MUHAMMAD AIMY AHMAD, ASYRAF MUHAMMAD dan NUR SYAZWANA MANSOR
utusan.news@mediamulia.com.my

**KANGAR:** Kira-kira 120 pengusaha bot nelayan kelas B dan C di Perlis terjejas teruk kesan langkah kerajaan mengurangkan kuota subsidi diesel sejak Januari lalu sekali gus menyebabkan mereka terpaksa mengurangkan trip menangkap ikan.

Ketika pengusaha terbabit mahu bangkit selepas lebih dua tahun tidak turun ke laut berikutan pandemik Covid-19, perkembangan itu sekali lagi membebankan mereka.

Mengikut kadar subsidi baharu, kuota asal bagi bot pukat tunda Zon C sebanyak 20,000 liter dikurangkan kepada 17,000 liter sebulan.

Bagi bot pukat tunda Zon B, kuota asal subsidi diesel 16,000 liter sebulan dan berdasarkan pelarasan baharu itu, jumlah dikurangkan kepada 12,000 liter sebulan.

Kadar kuota asal subsidi diesel bot pukat jerut Zon C dari 13,000 liter dikurangkan kepada 12,000 liter.

Seterusnya, kuota bot pukat jerut Zon B dari 8,000 liter dikurangkan kepada 7,000 liter sebulan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Persatuan Perniagaan Ikan dan Pengusaha Bot Kuala Perlis, Liew Seak Tong,61, berkata, pengurangan kuota tersebut menyebabkan mereka kekurangan diesel untuk turun ke laut.



**PARA pengusaha bot memohon kerajaan mengkaji semula pengurangan kuota subsidi diesel kepada nelayan yang dikurangkan sejak Januari lalu.**

**KURANG TRIP KELUAR TANGKAP IKAN**

Menurut beliau, sebelum ini, nelayan bot pukat tunda zon C turun ke laut empat kali sebulan tetapi kini terpaksa mengurangkan kepada dua kali.

Selain itu, katanya, mereka juga terpaksa membayar gaji kepada pekerja meskipun kekerapan turun ke laut berkurangan.

"Situasi tersebut turut melibatkan nelayan bot pukat jerut memandangkan mereka hanya dapat membuat sebanyak 20 trip perjalanan sebulan berbanding 25 trip sebelum ini.

"Keadaan ini memberi kesan buruk kepada pengusaha bot dan disebabkan itulah kerajaan sewajarnya mengkaji atau membincangkan perkara ini terlebih dahulu dengan pihak persatuan," katanya.

Selain itu, Seak Thong berkata, jarak dari Kuala Perlis ke lokasi tangkapan ikan juga memakan masa sekitar 16 sehingga 18 jam bagi satu trip perjalanan pergi dan balik.

Ujarnya, pengurangan subsidi diesel itu akan memberi kesan terhadap pendapatan pengusaha bot serta nelayan yang bekerja bagi mencari pendapatan.

"Sekiranya keadaan ini berterusan, pastinya ia akan menekan pengusaha dan nelayan malah kami harap agar subsidi ini dikekalkan semula sebanyak 20,000 liter sebulan.

"Kita juga tidak kisah jika kerajaan menaikkan sikit harga minyak berkenaan asalkan jangan mengurangkan kuota diesel tersebut," katanya.

**HARGA IKAN MELONJAK**

Kesan pengurangan kuota menyebabkan harga ikan melonjak sekali gus turut membebankan pengguna.

Seorang pengusaha bot kelas C, Iskandar Abd. Hamid, 63, berkata, jika sebelum ini bot pukat tunda keluar ke laut empat kali sebulan, namun mereka terpaksa mengurangkan trip sekali gus berlaku pengurangan hasil tangkapan.

"Apabila bekalan susah diperoleh maka pastinya ia akan beri kesan kepada kenaikan harga bagi hasil laut seperti ikan.

"Malah nelayan dan pengusaha bot juga turut terjejas teruk kerana terpaksa menanggung pelbagai kos lain," katanya.

Seorang lagi pengusaha bot nelayan kelas C, Kam Siang Chee, 44, berkata, menerusi pertemuan bersama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sebelum ini, pihak terlibat memaklumkan pengurangan kuota subsidi diesel itu disebabkan peruntukan dikurangkan bagi menampung pemberian berkenaan.

Ujarnya, pengusaha bot kelas C kebanyakan berharap agar jumlah kuota subsidi itu dikekalkan sebanyak 20,000 liter sebula bagi membantu mengurangkan bebanan ditanggung mereka.

**KESAN KEPADA BOT KELAS B, C**

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Selangor, Omar Abd. Rahman berkata, kenaikan harga ikan di negeri ini juga dijangka kesan daripada penarikan subsidi kepada nelayan dengan bot besar kelas B dan C.

Katanya, dua kategori tersebut membuat tangkapan ikan untuk tujuan komersial yang dijual kepada pembekal dengan kutipan hasil sekitar RM2,000 hingga RM3,000 pada setiap kali mereka turun ke laut.

"Nelayan kecil secara harian tidak terkesan, tetapi bot-bot besar yang keluar ke laut berhari-hari sejauh lapan atau 12 batu nautika ke atas itu pasti terjejas kerana mereka guna 20,000 liter sebulan. Belanjanya sekitar RM5,000 hingga RM6,000.

"Jika dikurangkan kepada 17,000 liter sebulan, bermakna nelayan ada dua pilihan sama ada kurangkan aktiviti penangkapan ikan atau tampung modal sendiri untuk capai sasaran jumlah tangkapan setiap bulan. Itu belum lagi dikira gaji pekerja lima hingga 20 orang ikut jenis bot dan pukat," katanya ketika dihubungi baru-baru ini.

Justeru, Omar menggesa subsidi tersebut dikembalikan kerana hasil nelayan tidak menentu serta jumlah tangkapannya bergantung kepada musim dan cuaca.

"Harga ikan akan naik sudah tentu, kadang-kadang tak tarik subsidi pun harga ikan naik




**SEJAK kuota subsidi diesel dikurangkan pada Januari lalu, kebanyakan nelayan kini mengurangkan trip menangkap ikan.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 10/4/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 7 |





PENGUSAHA bot nelayan berdepan kesukaran akibat pemotongan kuota subsidi diesel. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

juga. Itu bermusim, bila musim tangkapan kurang seperti tengkujuh memang harga ikan akan naik. Ditambah dengan masalah subsidi dipotong, lagi merumitkan.

"Memang kita mengesyorkan, kalau boleh janganlah ada potongan subsidi. Yalah, kita pun tak tahu mungkin kalau potong 20 juta liter dapat mengurangkan lagi perbelanjaan rakyat Malaysia atau penyeludupan minyak bersubsidi," ujarnya.

**KURANG KUOTA KEKANG SELEWENG DIESEL**

Langkah kerajaan mengurangkan kuota subsidi diesel bukan langkah terbaik untuk mengekang aktiviti penyelewengan bahan api itu di tengah laut.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Pertubuhan Pemilik Bot Ikan Negeri Kedah, Toh Sang Chai berkata, rata-rata pengusaha masih bergelut untuk kembali menjalankan perniagaan selepas mengharungi detik sukar pandemik Covid-19.

Menurut beliau, kerajaan tidak sepatutnya mengambil tindakan drastik memotong kuota subsidi melibatkan semua pengusaha meskipun terdapat segelintir daripadanya didakwa melakukan aktiviti menyeleweng diesel.

"Kerajaan galakkan kita pergi ke kawasan lebih luas untuk tangkap ikan tetapi pada masa sama potong subsidi yang beri kesan kepada operasi harian kami. Memang kalau nak dapat hasil banyak kena pergi lebih jauh di tengah laut tetapi ia memerlukan diesel yang lebih," katanya.

Sementara itu, seorang pengusaha bot, Ooi Thean Poe, 66, berkata, penggunaan diesel setiap hari bagi sebuah bot adalah kira-kira 1,000 liter bagi kebanyakan enjin dan pemotongan kuota subsidi menyebabkan mereka terpaksa mengurangkan trip untuk keluar menangkap ikan.

"Dahulu boleh keluar ke laut sehingga 25 hari sebulan sekiranya cuaca cantik, tetapi kini apabila subsidi diesel dipotong lebih banyak bot yang tersadai kerana pengusahanya tidak cukup wang untuk tampung kos operasi dan ada yang keluar hanya setengah bulan.

"Sekiranya keadaan ini berterusan ia akan memberi kesan kepada industri perikanan negara termasuk pengguna terpaksa berdepan harga ikan yang mahal kerana kekurangan hasil tangkapan," katanya.

Dalam pada itu, Pengerusi Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (Jaring), Che Ani Mat Zain meminta kerajaan supaya menambah semua peruntukan subsidi diesel dan petrol kepada nelayan pantai dan nelayan laut dalam.

Beliau berkata, hasil laut ketika ini semakin kurang dan sukar untuk diperoleh yang menyebabkan nelayan terpaksa pergi lebih jauh ke tengah laut untuk mendapatkan hasil lebih baik.

"Kita tidak boleh terus menerus salahkan faktor cuaca apabila hasil laut berkurang sedangkan hasil laut sudah semakin pupus. Oleh itu, nelayan perlu bergerak ke kawasan yang lebih jauh tanpa mengira musim bagi mendapatkan hasil lebih banyak dan enjin bot mereka memerlukan penggunaan bahan bakar yang banyak.

"Justeru kerajaan perlu memikirkan langkah terbaik untuk menyelesaikan masalah ini kerana ia akan mendorong kepada kenaikan harga hasil laut yang mendadak pada masa depan," jelasnya.

**OPERASI NELAYAN TERJEJAS**

Kebanyakan nelayan Zon B dan C di negeri ini didakwa terpaksa mengambil kuota subsidi diesel bot-bot nelayan lain untuk memastikan operasi menangkap ikan tidak terjejas.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Terengganu Selatan, Rohaizard Ariffin berkata, terdapat sebahagian bot nelayan terlibat memerlukan bekalan diesel yang banyak setiap kali keluar menangkap ikan.

Menurutnya, nelayan terbabit kebiasaannya menangkap ikan dalam tempoh yang lama sehingga seminggu di perairan negeri ini.

Bagaimanapun, katanya, berikutan tindakan kerajaan itu menyebabkan bot tersebut hanya menangkap ikan dalam masa dua atau tiga hari sebelum berpatah balik ke jeti.

"Tempoh operasi menangkap ikan yang singkat itu akan menyebabkan jumlah tangkapan berkurangan berbanding sebelum ini," katanya baru-baru ini.

Rohaizard menambah, pihaknya mengakui terdapat segelintir bot nelayan terlibat tidak menggunakan sepenuhnya kuota subsidi diesel tersebut.

"Bot-bot nelayan yang memerlukan bekalan diesel yang banyak akan menggunakan kuota subsidi diesel daripada bot-bot lain yang masih mempunyai lebihan kuota," jelasnya.

Seorang nelayan, Abu Bakar Jalikl, 53, berkata, dia percaya keputusan kerajaan mengurangkan kuota subsidi tersebut antaranya bertujuan mengelakkan nelayan tempatan mengambil kesempatan menjual diesel kepada bot nelayan asing di tengah laut.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/4/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 11 |

Projek MYSaveFood terima lebihan makanan elak pembaziran

# 12 tan makanan berjaya diselamat, beri manfaat kepada 10,124 orang

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

**ARAU:** Sebanyak 12,148 kilogram lebihan makanan di bazar Ramadan berjaya dikumpulkan setakat 5 April lalu sekali gus mampu memberi manfaat kepada 10,124 golongan yang memerlukan di negara ini.

Data tersebut adalah hasil kutipan sehingga 14 Ramadan lalu menerusi Projek MYSaveFood Ramadan yang dikelolakan Pertubuhan Pemuda GEMA Malaysia membabitkan 58 bazar Ramadan seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak.

Projek yang disokong penuh oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) itu turut mendapat kerjasama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) serta pelbagai lagi rakan strategik lain selain melibatkan 1,182 sukarelawan.




**PROJEK MYSaveFood Ramadan berjaya menyelamatkan 12,148 kilogram lebihan makanan di bazar Ramadan setakat 5 April lalu sekali gus memberi manfaat kepada 10,124 golongan yang memerlukan di negara ini.**

Menerusi projek bagi mengelak pembaziran makanan itu, peniaga turut memberi kerjasama yang baik dengan menyalurkan lebihan makanan untuk disalurkan kepada golongan yang memerlukan.

Projek itu dilaksanakan sejak 2016 namun tahun ini dilaksanakan dengan skala lebih besar.

Sebanyak 41,488 kilogram makanan dan minuman berjaya diselamatkan serta disalurkan kepada golongan memerlukan dari 2017 hingga 2022.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Pertubuhan Pemuda GEMA Malaysia, Muhammad Nasim A. Ralim berkata, makanan yang dikumpul setakat 14 Ramadan lalu melibatkan nasi berlauk 1,314 kilogram; kuih muih (1,702 kilogram); makanan bergoreng (789.11 kilogram); makanan berkuah (402.13 kilogram); makanan bergoreng dan bakar (222.86 kilogram); makanan barat (72.45 kilogram) dan minuman (6,830 kilogram).

Katanya, jumlah berkenaan bersamaan hidangan harian per kepala yang memanfaatkan 1,558 orang atau secara keseluruhan sebanyak 10,124 orang.

"Kami juga memberi kesedaran kepada peniaga untuk merancang persediaan supaya tidak lebih dan membazir," katanya.

Tambah Muhammad Nasim, pihaknya akan menerima makanan daripada pihak peniaga dalam bentuk pembungkusan yang kemas dan bersih.

"Makanan lebihan itu dihantar oleh peniaga ke reruai sukarelawan sebelum menutup gerai masing-masing sebelum diagihkan kepada golongan memerlukan termasuk rumah kebajikan dan ibadat sekitar bazar Ramadan terpilih," katanya.

Katanya, objektif program bagi membudayakan sistem pengurusan sisa makanan yang lebih efektif di bazar Ramadan dalam usaha mengurangkan pembaziran sisa makanan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/4/2023 | SUARA SARAWAK | ONLINE | |

## Strategi khusus pastikan bekalan makanan negara mencukupi



Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof (dua kanan) bersama Pengarah Urusan Liansin Trading Junaidi Ali (kanan), Ketua Biro Bernama Sarawak Hamdan Ismail membungkus bubur lambuk sambil disaksikan oleh Pemangku Pengerusi SPPA Chimon Upon dan Pengarah Liansin Trading Datuk Harold Tan serta yang lain. | Foto: Ramidi Subari

**KUCHING**: Kerajaan kini sedang merangka beberapa strategi berkait input pertanian dan perladangan dalam memastikan bekalan makanan negara mencukupi.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof berkata, kerangka strategi tersebut akan melibatkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.



Timbalan Perdana Menteri mengagihkan bubur lambuk sambil disaksikan yang lain. | Foto: Ramidi Subari

Katanya, ia akan melihat kepada secara menyeluruh kepada rantaian nilai sebelum strategi tersebut dibentangkan ke peringkat Kabinet yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Saya bersama Datuk Seri Mohamad Sabu (Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan) sebahagian daripada agensi teknikal akan melihat keseluruhan rantaian nilai.

"Rantaian nilai maksudnya pertama kita perlu melihat kepada benih, ada atau tidak benih yang berkualiti. Kedua, kita akan melihat kepada input pertanian, baja, baka atau makanan dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas menyempurnakan Program Bubur Lambuk dan Sumbangan Ramadan Media Sarawak Liansin 2023 anjuran Persekutuan Persatuan Wartawan Sarawak (FSJA) dan Liansin Sarawak Sdn Bhd di sini semalam.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/4/2023 | BERITA HARIAN | PENDIDIKAN | 27 |

# Politeknik Jeli sedia jadi hab keterjaminan makanan



*Ulaimi (tengah) dan Timbalan Ketua Pengarah (Governan) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kamaludin Daud (dua dari kiri) menunjukkan bongkah cendawan yang diusahakan di Politeknik Jeli.*

**Jeli:** Politeknik Jeli Kelantan (PJK) bersedia menjadi hab keterjaminan makanan berdasarkan kemampuannya melahirkan lulusan bidang agroteknologi dan akuakultur.

Pengarahnya, Ulaimi Yahya, berkata kedua-dua kursus itu ditawarkan pada peringkat diploma dan mendapat pengiktirafan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) serta akreditasi penuh daripada Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dan pensijilan EOMS ISO 21001:2018 daripada pihak SIRIM QAS International Sdn Bhd.

Katanya, di bawah Pusat Latihan Agropreneur Incubator (AITC), terdapat lapan inkubator yang sedia ada di PJK khusus untuk ternakan akuakultur selain penanaman cendawan, produk akuakultur dan lebah kelulut.

## Pusat latihan cendawan

"Untuk inkubator cendawan PJK mendapat pertauliahan sebagai Pusat Latihan Cendawan Organik dengan memperoleh Pensijilan Organik Malaysia (Myorganic) pada 23 Jun tahun lalu dengan ladang berkeluasan 0.4 hektar," katanya.

Pengiktirafan itu menurutnya, melayakkan PJK untuk menjadi pusat latihan cendawan tiram kelabu dan cendawan kukur organik dengan menghasilkan produk pertanian yang dijamin berkualiti dan selamat dimakan.

Di samping itu katanya, PJK dapat memberi khidmat latihan dan bimbingan kepada pelajar serta komuniti yang berminat menceburi industri cendawan.

"PJK baru sahaja memeterai jalinan kolaborasi dengan Pergau Jaya Enterprise dalam bentuk kerjasama jual beli 20,000 ribu bongkah cendawan melalui inkubator cendawan yang diselia oleh AITC.

"Kerjasama turut dibuat bersama Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) yang berperanan sebagai penyedia latihan dan kepakaran berasaskan keusahawanan digital kepada pelajar," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 10/4/2023 | THE STAR | NATION | 3 |

# Make it a deadly serious offence

## Heavier fines, awareness needed on pufferfish sales

By RAHIMY RAHIM and N. TRISHA
newsdesk@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Stern action can be taken against traders if they are found selling any produce that has substances that are poisonous, harmful or injurious to health, says the Fisheries director-general.

Datuk Adnan Hussain said action can be taken under laws including Section 13 of the Food Act 1983, which carries a jail sentence and fine or both upon conviction.

He added that the risky sale of pufferfish (also known as ikan buntal) prepared by those who are not certified warrants serious attention.

"Incidents involving pufferfish consumption include the episode reported last November in Selangor, where the fish was bought online," he said yesterday as he reminded everyone involved – be they exotic fish enthusiasts, the general public or fishermen – to be careful.

"Those purchasing fish online, especially in the form of fish fillet, need to properly check the species of the fish as well as the type of fish they bought."

On Saturday, Eng Kuai Sin @ Ng Chuan Sing, 84, who was in a coma after eating pufferfish with his wife two weeks ago, died at the intensive care unit (ICU) of Hospital Enche' Besar Hajjah Kalsom in Kluang.

He had been warded with his wife, Lim Siew Guan, who died on March 25.

Eng was admitted to the ICU after the couple ate pufferfish bought online from a supplier in Batu Pahat who gets his supplies from fishermen in Endau.

Universiti Sains Malaysia (USM) Centre for Marine and Coastal Studies director Prof Datuk Dr Aileen Tan called on the authorities to create more awareness and for the relevant bodies to tighten enforcement.

"There must be regulations put in place when it comes to selling pufferfish.

"It is important that there is a clear law as even the fishmongers know they can claim they are unaware of the toxins (contained therein)," she said.

Prof Tan, who is also the Fisheries Society president, said pufferfish is relatively common to our waters and sliced fish is difficult to identify – leading to what she described as a deadly combination for the unassuming public.

She added that when fish is sliced, a non-expert would not be able to determine its species.

"The public will not know if it is a pufferfish unless it is alive and all puffed up. Once it is cleaned, you really do not know what fish you are purchasing.

"All big fish that are cut into slices will look alike. You could ask the fishmonger, if he is honest about what you are purchasing.

"(Otherwise) this could lead to what happened with the elderly couple," she said.



**Guessing game:** Once the fish is cleaned, it is hard to identify the highly toxic pufferfish from other types of fish.

Friends of the Earth Malaysia's Meena Raman said the sale and consumption of the deadly fish show there is still not enough awareness.

"More needs to be done by the authorities to prevent tragedies like this.

"The fishmonger who sold the fish to unsuspecting consumers must be taken to task.

"The Fisheries Department must do more to educate folk not to catch pufferfish, while markets must be inspected by local authorities to ensure such fish is not on sale," she said.

Johor health and unity committee chairman Ling Tian Soon said an investigation into the deaths of the couple is under way, adding that the Johor Health Department had taken action as soon as the case was reported.

"The department has carried out an investigation to identify the supplier, wholesaler and seller of the pufferfish," he said.